

## AIR DAN KOSMOLOGI KUASA DALAM AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH: ANALISIS HIDRO-SIMBOLIK

### *WATER AND THE COSMOLOGY OF POWER IN AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH: A HYDRO-SYMBOLIC ANALYSIS*

ARBA'YAH MOHD NOOR<sup>1</sup>, MOHD FIRDAUS ABDULLAH<sup>2</sup>,  
MARINA ABDUL MAJID<sup>3</sup> & SHAIFUL SHAHIDAN<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

<sup>3</sup>Program Strategi dan Hubungan Antarabangsa,  
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Corresponding author: marina76@ukm.edu.my

Received: 6<sup>th</sup> October 2025 Accepted: 16<sup>th</sup> November 2025

#### Abstrak

Kajian ini membina kerangka hidro-simbolik yang bukan sahaja muncul sebagai unsur alamiah dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tetapi berfungsi sebagai simbol kuasa, sakraliti dan sempadan politik dalam imaginasi kesultanan Melayu awal. Berbeza dengan pendekatan historiografi konvensional yang bersifat istana-sentris dan menekankan salasilah sebagai alat legitimasi dinasti, makalah ini menafsirkan air sebagai naratif kuasa yang tersembunyi dalam teks. Air tidak hanya berperanan sebagai unsur alamiah, tetapi dimobilisasi sebagai strategi simbolik untuk meneguhkan keabsahan raja melalui hubungan dengan kosmologi dan penandaan ruang kekuasaan. Kerangka ini dibina berasaskan tiga dimensi utama: (1) air sebagai manifestasi kosmologi kuasa, (2) air sebagai tapak dan sempadan kekuasaan diraja, dan (3) air sebagai ingatan warisan dalam naratif sejarah Kedah. Dengan pendekatan ini, makalah ini menawarkan satu struktur makna yang mengaitkan air dengan prinsip pemerintahan, keabsahan spiritual dan geopolitik tempatan. Analisis ini disokong oleh pembacaan kritikal terhadap petikan-petikan utama dalam *Al-Tarikh Al-Salasilah Kedah* serta perbandingan dengan kerangka teori daripada Anthony Milner, Turner, Brahmans & Harris dan Jamie Linton, namun tetap berpaksikan kerangka konseptual yang dibangunkan daripada teks itu sendiri. Kesimpulannya, artikel ini menegaskan keperluan membaca semula teks Melayu tradisional dengan lensa simbolik dan konseptual baharu yang lebih peka terhadap dimensi air sebagai struktur kuasa, memori dan kosmologi dalam wacana kesusasteraan Melayu.

**Kata kunci:** *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Air, Kedah, Hidro-Simbolik, Kesusasteraan Melayu, Sejarah Melayu

#### Abstract

*This study constructs a hydro-symbolic framework in which water is not merely portrayed as a natural element within Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, but functions as a profound symbol of power, sacrality, and political boundary in the imaginative world of the early Malay sultanate. In contrast to conventional historiography, which is palace-centric and emphasises genealogy as a tool of dynastic legitimacy, this article interprets water as a hidden narrative of power*

*embedded in the text. Water does not merely serve as a natural element; it is mobilised as a symbolic strategy to affirm royal authority through its associations with cosmology and the spatial demarcation of sovereignty. The framework is built upon three principal dimensions: (1) water as a manifestation of the cosmology of power, (2) water as the site and boundary of royal authority, and (3) water as a repository of heritage memory within the historical narrative of Kedah. Through this approach, the article offers a structure of meaning that links water to the principles of governance, spiritual legitimacy, and local geopolitics. The analysis is grounded in a critical reading of key passages from *Al-Tarikh Salasilah Kedah*, alongside comparative theoretical perspectives from Anthony Milner, Victor Turner, Brahm and Harris, and Jamie Linton, while remaining anchored in the conceptual framework generated from the text itself. In conclusion, this article emphasizes the necessity of re-reading traditional Malay texts through new symbolic and conceptual lenses that are more attentive to water as a structure of power, memory, and cosmology in Malay literary discourse.*

**Keywords:** *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Water, Kedah, Hydro-Symbolic, Malay literary, Malay History*

## PENGENALAN

Kajian terhadap teks sejarah dan kesusasteraan Melayu tradisional sering memperlihatkan kecenderungan kepada bacaan istana-sentris yang menekankan kesinambungan dinasti, kebesaran raja dan legitimasi keturunan sebagai teras wacana (Mohd Noor 2006: Fang 2011: Ibrahim 2016). Pendekatan sedemikian, meskipun penting dalam memahami bentuk dan fungsi naratif istana, cenderung mengabaikan struktur makna yang lebih dalam khususnya berkaitan unsur-unsur alam seperti air dimobilisasi secara simbolik untuk menstrukturkan wacana kuasa (Abdullah 2025). Dalam konteks ini, air bukan sekadar elemen geografi atau latar, tetapi menjadi tapak kepada pembentukan hubungan antara manusia, ketuhanan dan alam (Strang 2020). Makalah ini meneliti perkara tersebut melalui analisis kritikal terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, sebuah teks historiografi Melayu abad ke-18 yang jarang sekali dibaca dari lensa simbolisme hidro-politik.

*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan teks sejarah rasmi Kesultanan Kedah yang dikarang oleh Haji Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad pada tahun 1928 Masihi. Haji Hassan, seorang kerani kanan istana dan penulis rasmi kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, menyusun teks ini berdasarkan sumber lisan dan rekod istana untuk mengukuhkan naratif asal usul dan kesinambungan Kerajaan Melayu Kedah. Teks ini ditulis dalam Bahasa Melayu dan bertulisan Jawi. Secara geografi, teks ini menjangkau wilayah Kedah, termasuk Sungai Muda, Bukit Meriam, Pelabuhan Kuala Kedah, serta rujukan kepada kawasan-kawasan berhampiran seperti Pattani, Perlis dan Seberang Perai. Teks ini mengandungi campuran unsur mitos, sejarah, genealogi dan alegori politik yang menjadikannya imaginasi kenegaraan Melayu tradisional (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968).

Kebanyakan kajian terdahulu terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menumpukan perhatian kepada unsur politik dan hubungan diplomatiknya, khususnya peranan Siam, penjajahan British atau asal usul Kesultanan Kedah (Andaya 1976). Namun begitu, satu dimensi yang masih kurang diberi perhatian adalah air dari sumber sungai, laut, telaga, hujan dan banjir digunakan secara berulang dalam teks ini sebagai struktur naratif untuk memetakan kuasa, kesakralan dan peralihan sejarah. Dalam hal ini, makalah ini mengambil pendekatan kritikal untuk membaca teks tersebut bukan semata-mata sebagai dokumen sejarah, tetapi sebagai medan simbolik yang membentuk dan menyampaikan ideologi kuasa melalui simbolisme air.

Bagi menyokong pendekatan ini, makalah ini membina satu kerangka teori yang dinamakan “Kerangka Hidro-Simbolik Kuasa”, yang menggabungkan pandangan daripada beberapa tokoh utama seperti Anthony Milner, Turner, Brahm & Harris dan Jamie Linton. Milner (1982) misalnya menegaskan bahawa kuasa Melayu tradisional tidak bersifat formalistik, sebaliknya berpaksikan kepada penguasaan naratif, struktur bahasa dan simbol-simbol tertentu yang memperkukuh keabsahan raja. Dalam konteks ini, air dapat difahami sebagai salah satu simbol yang digunakan untuk mengartikulasikan perintah, sempadan dan restu ketuhanan. Turner, Brahm & Harris (2017) pula, menerusi kerangka ritual dan liminaliti, menunjukkan bahawa air sering berfungsi sebagai medium pemurnian dalam peralihan status sosial dan politik, menjadikannya unsur utama dalam sebarang bentuk peralihan kuasa atau transformasi struktur sosial. Linton (2010) pula dilihat mengkritik pendekatan moden yang menganggap air sekadar dihidrogen monoksida (H<sub>2</sub>O) dan memperkenalkan

konsep *hydrosocial cycle* iaitu idea bahawa air terbentuk secara bersama antara sistem sosial dan semula jadi. Dalam konteks Melayu tradisional, pandangan ini membuka ruang untuk memahami air sebagai hasil hubungan antara kuasa, kepercayaan dan ruang geografi dalam teks istana.

Dengan menggabungkan ketiga-tiga pendekatan ini, makalah ini berhujah bahawa air dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* bukan sekadar unsur semula jadi atau latar tempat, tetapi berfungsi sebagai struktur makna yang mengikat tiga dimensi utama: kosmologi raja, ruang kekuasaan dan memori warisan. Teks ini memaparkan bahawa sungai tertentu dijadikan sempadan negeri, telaga diraja berperanan sebagai simbol legitumasi dan limpahan hujan atau kemarau digunakan sebagai isyarat kepada keberkatan atau kemurkaan Ilahi terhadap pemerintah. Dengan meneliti elemen-elemen ini secara sistematik, makalah ini menegaskan bahawa teks Melayu tradisional mempunyai potensi untuk difahami sebagai dokumen yang sarat dengan wacana simbolik ekologi-politik dan tidak wajar dibaca hanya sebagai kronologi atau genealogi keturunan diraja.

Akhir sekali, pengenalan ini mengajak pembaca untuk memposisikan semula teks warisan seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* sebagai tapak epistemologi alternatif yang dapat memperkaya kefahaman kita terhadap hubungan antara kuasa, ruang dan sumber alam dalam tradisi kenegaraan Melayu. Dalam era air menjadi sumber konflik dan alat penguasaan geopolitik moden, membaca semula teks lama dengan lensa hidro-simbolik bukan sahaja membuka dimensi baharu dalam kesusasteraan Melayu, tetapi juga menjadikan warisan kita relevan dalam wacana global kontemporari.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap teks historiografi Melayu tradisional lazimnya tertumpu kepada dua pendekatan dominan: pertama, pendekatan sejarah formal yang menilai teks sebagai dokumen kronologikal bagi menyusun salasilah keturunan dan asal-usul politik; dan kedua, pendekatan sastera naratif yang menelusuri unsur mitos, alegori dan struktur penceritaan dalam pembinaan identiti raja dan negeri (Hussein 1966). Kedua-dua pendekatan ini memberi sumbangan penting terhadap kefahaman kita tentang sejarah dan budaya politik Melayu, namun dalam masa yang sama, mengabaikan dimensi ekologi, spasial dan simbolik terhadap sumber alam seperti air, yang secara konsisten hadir dalam teks-teks seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Maka, satu kerangka bacaan yang lebih peka terhadap unsur alam, khususnya air, adalah sangat diperlukan bagi membuka wacana baharu dalam kajian salasilah Melayu.

Beberapa sarjana seperti Winstedt (1940) (1958), Wilkinson (1906) (1932), Hussein (1966), Braginsky (2022) (2024), Sweeney (1983), Salleh (2010) dan lain-lain telah memberikan perhatian terhadap teks sastera dan sastera sejarah sebagai bahan sejarah yang merekodkan garis keturunan dan peristiwa penting dalam pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun, karya-karya ini tidak menelusuri struktur simbolik teks atau naratif air secara signifikan. Penekanan mereka lebih kepada keutuhan fakta sejarah dan keabsahan rujukan genealogi dan bukan pada strategi simbolik yang terkandung dalam naratif tersebut. Kajian oleh Cheah Boon Kheng (2024) terhadap politik raja-raja Melayu dan karya oleh Muhammad Haji Salleh (2023) tentang naratif klasik Melayu memperlihatkan sedikit usaha ke arah pembacaan yang lebih kritikal, namun masih belum sampai kepada perbincangan ekologi-politik air.

Dalam konteks teori, tulisan Milner (1982) telah membuka ruang penting untuk memahami bahawa kuasa dalam budaya politik Melayu dibina melalui wacana dan simbol, bukan hanya struktur formal. Milner menunjukkan bahawa konsep “daulat” dan “kerajaan” adalah hasil pembentukan naratif dan ritual, termasuk penguasaan terhadap ruang dan sumber alam. Namun, Milner tidak mengembangkan secara terperinci peranan air sebagai sebahagian daripada struktur wacana tersebut. Kajian ini mengambil langkah lanjut dengan memfokuskan secara khusus pada air sebagai alat penanda kuasa dalam teks salasilah.

Sementara itu, Turner, Brahams & Harris (2017) dalam teori mengenai ritual dan liminaliti menekankan bahawa air sering berfungsi sebagai simbol pemurnian, peralihan dan pengesahan status dalam konteks masyarakat tradisional. Ritual peralihan seperti pembasuhan, penyucian atau pelintasan

sungai sering digunakan dalam masyarakat untuk menandakan perubahan status sosial atau politik. Walaupun mereka mengkaji budaya Afrika dan Eropah, kerangka tersebut sangat berguna untuk membaca naratif Melayu yang melibatkan pergerakan raja, perpindahan pusat pemerintahan atau pembinaan sungai sebagai transformasi ruang kuasa.

Dalam persekitaran teori ekologi dan kajian air kontemporari, Linton (2010) telah mengkritik pandangan saintifik moden yang melihat air sebagai entiti universal dan teknikal. Beliau mencadangkan konsep *hydrosocial cycle* yang menekankan bahawa air terbentuk melalui interaksi antara alam dan masyarakat. Konsep ini membuka ruang kepada pemahaman bahawa air bukan semata-mata sesuatu yang mengalir dalam sungai atau disimpan dalam tempayan, tetapi air ialah hasil pembentukan budaya, kuasa dan kepercayaan. Dalam konteks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, idea ini membolehkan kita membaca pembinaan sungai buatan oleh Maharaja Kerma atau Sultan Ata'Allah I (1423-1473 M) sebagai bukan hanya tindakan infrastruktur, tetapi sebagai manifestasi kuasa dan kepakaran kolektif masyarakat dalam melaksanakan visi raja. Tindakan oleh baginda tersebut menunjukkan air menjadi penentu arah pembangunan wilayah, ekspansi pertanian dan pembentukan sempadan negeri.

Dasawarsa ini, wujud kecenderungan yang semakin berkembang dalam kalangan sarjana sastera dan sejarah Asia Tenggara untuk mengkaji sumber-sumber tradisional melalui lensa ekokritik, kosmologi tempatan dan politik sumber. Kajian terhadap hikayat, manuskrip dan teks warisan semakin beranjak daripada deskriptif kepada analitik, terutamanya dengan kemunculan pendekatan interdisiplin yang menggabungkan teori antropologi, geografi politik dan kesusasteraan perbandingan (Pham, Sankaran & Kaur 2019). Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, dan khususnya Kedah, masih kurang kajian yang mengkaji teks sejarah seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* daripada sudut ini. Kajian ini cuba mengisi kekosongan tersebut dengan menampilkan air sebagai struktur kuasa yang menyatukan ideologi pemerintahan, strategi ruang dan memori kolektif masyarakat.

Dengan demikian, kajian ini bukan sahaja memperkenalkan bacaan baharu terhadap teks klasik Melayu, tetapi juga menyumbang kepada wacana global tentang simbolisme air, politik ekologi dan epistemologi bukan-Barat dalam memahami struktur kuasa dan naratif sejarah. Konsep baharu ini menyahpusatkan naratif moden yang menjadikan air sebagai objek teknokratik dan sebaliknya mengangkat semula air sebagai elemen budaya, spiritual dan simbolik yang telah lama wujud dalam warisan teks Melayu tradisional.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks kritikal terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, sebuah manuskrip historiografi Melayu yang mengandungi naratif politik, kosmologi dan budaya pemerintahan negeri Kedah (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Pendekatan yang digunakan berteraskan pembacaan simbolik dan teoritikal, dengan tumpuan terhadap analisis elemen air dalam teks sebagai struktur makna dan manifestasi kuasa. Data primer bagi kajian ini ialah edisi transliterasi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1968, analisis dijalankan dengan mengenal pasti petikan-petikan utama yang berkait dengan peristiwa pembinaan sungai buatan, penggunaan air dalam kehidupan rakyat dan pengurusan sumber air oleh pemerintah.

Dalam pelaksanaannya, seperti yang dinyatakan di bahagian pengenalan, kajian ini mengaplikasikan Kerangka Hidro-Simbolik Kuasa yang dibangunkan secara konseptual daripada gabungan teori oleh Anthony Milner (kuasa dan wacana politik Melayu), Turner, Brahams & Harris (ritual dan liminaliti) dan Linton (*hydrosocial cycle*). Petikan-petikan yang dikenal pasti dianalisis secara hermeneutik untuk mengenal pasti struktur ideologi yang terkandung dalam naratif air termasuk penggunaan air sebagai lambang keabsahan, tanda pengaruh wilayah dan sebagai mekanisme sosialisasi rakyat ke dalam projek pembangunan negeri. Setiap analisis disokong oleh konteks sejarah tempatan, termasuk latar sosioekonomi dan struktur pertanian Kedah abad ke-15 hingga ke-19, serta maklumat sekunder daripada karya-karya sejarah dan antropologi yang relevan.

Dalam usaha menelusuri makna tersirat yang tersembunyi di sebalik naratif air dalam teks, kajian ini menggabungkan pembacaan “intertekstual” dan “kontekstual” bagi membolehkan elemen air ditafsir bukan sahaja sebagai realiti geografi, tetapi sebagai ejen ideologi. Justeru, metodologi ini menolak bacaan deskriptif semata-mata dan sebaliknya menawarkan satu strategi tafsiran yang memfokuskan kepada hubungan antara teks, kuasa dan sumber alam. Selain itu, metodologi ini mengakui keterbatasan sumber sejarah air yang hanya direkodkan dalam arkib rasmi. Oleh itu, teks sastera tradisional diletakkan sebagai alternatif epistemologi yang sah dan berdaya guna untuk menelusuri imaginasi politik serta ekologi masyarakat silam.

### **KERANGKA TEORI: AIR SEBAGAI STRUKTUR KUASA DALAM *AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH***

*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* bukan sahaja merupakan dokumen historiografi diraja yang mengabadikan asal usul dan kesinambungan keturunan Kesultanan Kedah, tetapi juga berfungsi sebagai tapak naratif yang menstrukturkan kuasa dan pemerintahan melalui unsur-unsur simbolik yang bersifat kosmologi. Antara unsur yang paling signifikan tetapi sering diabaikan dalam bacaan konvensional ialah air, yang muncul dalam pelbagai bentuk seperti sungai buatan, telaga, sungai semula jadi, hujan dan terusan. Air bukan sahaja digunakan untuk menggambarkan ruang geografi dan keperluan kehidupan harian, tetapi dimobilisasi secara aktif oleh pemerintah untuk menzahirkan kuasa, keabsahan dan hubungan sakral antara raja, rakyat dan alam. Oleh itu, makalah ini memperkenalkan satu kerangka teori yang dinamakan Kerangka Hidro-Simbolik Kuasa untuk membaca kembali fungsi air dalam teks tersebut.

Seperti yang dinyatakan dalam metodologi kajian, kerangka ini dibina dengan menggabungkan tiga pendekatan teoritikal utama iaitu Anthony Milner (kuasa dan wacana politik Melayu), Turner, Brahams & Harris (ritual dan liminaliti) dan Linton (*hydrosocial cycle*). Ketiga-tiga pendekatan ini membantu mengupas bahawa air bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga menjadi struktur makna dalam teks, yang mengikat dimensi ideologi, kosmologi dan geopolitik dalam budaya pemerintahan Melayu.

Milner (1982) berhujah bahawa kuasa dalam tradisi politik Melayu bukanlah kuasa institusi dalam kerangka barat, sebaliknya merupakan kuasa yang bersifat wacana dan retorik, dibina melalui naratif, bahasa dan simbol-simbol yang menyatukan raja dan rakyat. Dalam konteks ini, projek-projek pembinaan sungai buatan seperti yang diarahkan oleh Maharaja Kerma, bukan sekadar usaha kejuruteraan air, tetapi adalah tindakan simbolik untuk menzahirkan bahawa raja mempunyai kuasa untuk mengubah landskap demi kesejahteraan rakyat. Sungai Kuala Muda yang digali dari Batang Pasir hingga ke laut bukan hanya menjadi saluran bekalan air, tetapi mewakili keupayaan raja untuk “memetakan” wilayah dan meletakkan cap kekuasaan fizikal dan spiritual ke atas tanah yang diperintah (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968).

Sementara itu, Turner, Brahams & Harris (2017) dalam teori tentang ritual dan simbolisme liminaliti menegaskan bahawa air sering digunakan dalam proses peralihan kuasa atau status seperti pertabalan, pembersihan dan peralihan daripada keadaan kacau kepada tertib. Dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, pembinaan sungai-sungai seperti dari Gunung Keriang ke Sungai Cegar Anak Bukit atau dari Sungai Jerluh ke Alor Janggus dan seterusnya ke Sungai Besar, tidak wajar dibaca hanya dari sudut keperluan ekonomi atau pertanian. Sebaliknya, ialah satu bentuk “ritual pentadbiran” yang mengubah ruang biasa menjadi ruang politik di mana air menjadi medium antara alam dan sistem pemerintahan. Proses ini melibatkan kerahan tenaga rakyat, penggunaan lembu dan kerbau, serta adaptasi terhadap teknologi tempatan, yang menandakan keterikatan antara kuasa simbolik raja dan tenaga jasmani rakyat. Maka, pembinaan sungai merupakan satu tindakan sakral dan politik, yang mengesahkan atau mengabsahkan bahawa pemerintah menguasai bukan sahaja rakyat, tetapi juga alam (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968).

Linton (2010) melalui konsep *hydrosocial cycle*, menolak pandangan saintifik moden yang melihat air sebagai entiti neutral dan universal. Beliau menyatakan bahawa air biasanya membantu dalam

pembentukan hubungan sosial, politik, dan budaya. Dalam konteks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, penggunaan air sebagai asas pemilikan wilayah dan ekspansi pengaruh pemerintahan sangat jelas sama ada melalui penggunaan Sungai Merbok dan Sungai Mas dalam peluasan penempatan zaman Sultan Muzzil Shah (1237–1280 M) atau melalui pengairan sawah yang berkait langsung dengan strategi eksport beras Kedah ke Selangor dan Pulau Pinang (Goldman 1975; Iqbal, Hussin & Ali Seman 2015) Air dalam teks ini ialah satu komoditi, ruang, warisan, dan kuasa bukan sekadar keperluan fisiologi.

Berdasarkan ketiga-tiga pendekatan ini, Kerangka Hidro-Simbolik Kuasa dibentuk dengan tiga komponen analitik utama:

- (1) Air berfungsi sebagai manifestasi kosmologi raja, yang menghubungkan unsur air dengan restu Ilahi serta tanggungjawab spiritual pemerintah dalam memelihara kebajikan rakyat.
- (2) Air sebagai penanda geopolitik dan infrastruktur kekuasaan, yang memperlihatkan peranan sungai dan terusan dalam membentuk sempadan kuasa serta memetakan wilayah pemerintahan.
- (3) Air sebagai ingatan kolektif dan legasi pemerintahan, dengan sungai buatan dan terusan berfungsi sebagai bukti berpanjangan terhadap kehebatan dan kebajikan pemerintah, di samping melatih rakyat menjadi buruh mahir yang menyumbang kepada kelangsungan negeri.

Kerangka ini membolehkan pembacaan yang lebih kritikal dan bermakna terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dan pada masa yang sama, mencabar tanggapan bahawa teks historiografi Melayu hanya bersifat historiografi politik tanpa wacana struktur alam atau ekologi. Sebaliknya, kerangka ini membuka wacana baharu bahawa teks seperti ini menyimpan naratif awal tentang pengurusan air, kejuruteraan sosial dan konsep kuasa yang melibatkan hubungan rapat antara manusia, raja dan unsur alam. Oleh itu, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* wajar ditafsir bukan sekadar sebagai rekod keturunan, tetapi sebagai dokumen hidro-politik yang menyingkap bagaimana Kerajaan Melayu Kedah membina dan mengekalkan kuasanya melalui pengurusan serta pemaknaan air. Keagungan kerajaan ini tidak bergantung pada teknologi moden, sebaliknya berpaksikan simbolisme yang berakar dalam kosmologi, spiritualiti dan kebijaksanaan tempatan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Air sebagai Manifestasi Kosmologi Kuasa: Sungai Buatan dan Kebijaksanaan Raja

Arahan Maharaja Kerma untuk membina sungai dari Batang Pasir melalui Kota Arung-Arungan sehingga ke laut, yang kelak dikenali sebagai Sungai Kuala Muda, tidak wajar dibaca hanya sebagai tindakan pentadbiran pragmatik atau inisiatif kejuruteraan awal (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Dalam kerangka kuasa diraja Melayu yang sarat dengan simbolisme, tindakan ini perlu difahami sebagai suatu bentuk ritual kosmologi kuasa. Hal ini kerana, raja bukan sekadar pemerintah di bumi, tetapi juga pengatur alam yang menghubungkan dunia material dengan struktur spiritual dan kosmik. Sungai yang digali bukan hanya menyalurkan air, tetapi menyalurkan makna kuasa. Di sinilah terletaknya signifikasi air sebagai medium antara dunia empirikal dan mitos kekuasaan.

Dalam konteks ini, pendekatan Turner, Brahams & Harris (2017) terhadap ritual dan simbol liminal menjadi penting. Menurut mereka, elemen air dalam masyarakat tradisional sering dikaitkan dengan proses peralihan, pemurnian dan pengesahan status sosial. Dalam konteks kesultanan Melayu awal, perbuatan mencipta sungai dengan menggunakan tenaga buruh paksa, cangkul tradisional dan binatang ternakan seperti lembu dan kerbau bukan sekadar aktiviti fizikal, tetapi satu ritus pentadbiran (Abdullah & Mohd Noor 2020). Ia adalah transformasi terhadap ruang yang belum ditakluk kepada ruang yang telah “dikuasakan”, yakni dijadikan sebahagian daripada struktur politik dan spiritual pemerintahan. Maka sungai buatan itu, dalam dimensi simboliknya, ialah tanda peralihan daripada kekacauan kepada ketertiban, dari alam alami kepada alam diraja.

Lebih signifikan, tindakan Maharaja Kerma itu merupakan bentuk pelanjutan daripada konsep “raja sebagai penjaga kosmos” suatu konsep yang wujud dalam banyak masyarakat Asia Tenggara

pramoden, termasuk dalam wacana kesultanan Melayu (Whitmore 2011). Dalam banyak teks tradisional, termasuk *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, kewibawaan seorang raja tidak ditentukan semata-mata oleh garis keturunan, tetapi juga oleh keupayaannya menundukkan dan menstrukturkan alam demi kemaslahatan rakyat. Air menjadi medium paling signifikan dalam usaha tersebut bukan hanya kerana air diperlukan perlu untuk kelangsungan hidup, tetapi kerana air juga bersifat mengalir, suci dan menghubungkan tanah dengan langit.

Sungai Kuala Muda, yang dibina melalui tenaga kerahan rakyat, harus ditafsir sebagai manifestasi politik ekologi Maharaja Kerma, iaitu satu bentuk *engineering of legitimacy* yang menzahirkan hubungan antara kuasa, alam dan rakyat (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968: Mukerji 2003). Tenaga manusia yang digerakkan bukan hanya menunjukkan kuasa material sang raja, tetapi turut memperkukuh naratif tentang pemerintah sebagai pembawa rezeki dan kemakmuran. Dalam kerangka ini, sungai bukan sekadar projek infrastruktur, tetapi naratif politik dalam bentuk landskap. Seperti yang diuraikan oleh Linton (2010), air tidak wujud secara "semula jadi" semata-mata, sebaliknya air ialah produk hidrososial iaitu hasil daripada hubungan sosial, budaya dan kuasa. Maka pembinaan sungai dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ialah contoh awal bagaimana pemerintah Melayu mengolah air sebagai "ciptaan budaya" yang terikat kepada pemaknaan kuasa.

Lebih menarik, sungai buatan itu bukan sahaja berfungsi untuk kegunaan domestik rakyat seperti mandi, membasuh, dan mengambil air tetapi juga sebagai struktur ekonomi, pertahanan dan pengaruh (Abdullah & Mohd Noor 2019). Sungai ini menghubungkan darat ke laut, dan dengan itu menghubungkan kerajaan kepada jaringan perdagangan dan geopolitik lebih luas. Maka sungai berfungsi dalam dua poros iaitu sebagai arteri fizikal dan arteri simbolik yang menjadi nadi kepada pentadbiran dan citra pemerintahan. Dalam struktur naratif *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tindakan seperti ini tidak digambarkan secara teknikal tetapi ditampilkan sebagai perintah luhur yang wajib dipatuhi tanpa soal oleh rakyat. Hal ini menyiratkan kedudukan mutlak sang raja dalam mengawal elemen alam dan masyarakat, justeru menegaskan fungsi air sebagai pemantul keagungan kosmologi diraja.

Tambahan pula, pembinaan sungai buatan yang dinyatakan, mencerminkan *local genius* masyarakat Kedah awal yang mengembangkan ilmu tentang air secara praktikal melalui arahan politik. Dalam jangka panjang, penduduk bukan sahaja menjadi pengguna sungai, tetapi juga pewaris kepada teknologi pembinaan sungai dan terusan yang berkembang kemudian dalam era Sultan Ata'Allah. Maka, melalui tindakan tunggal seorang raja menitahkan untuk menggali sungai maka terbentuk satu ekosistem politik, budaya dan pengetahuan yang berakar pada kefahaman bahawa air ialah sumber mutlak kuasa dan raja ialah makhluk pengantara yang mempertemukan langit dan bumi melalui aliran air (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968: Adil 1980).

Justeru, naratif pembinaan sungai oleh Maharaja Kerma dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* seharusnya tidak dibaca dalam kategori sejarah ekonomi atau teknologi semata-mata. Sebaliknya, naratif pembinaan sungai buatan itu ialah satu manifestasi paling awal, kuasa politik Melayu ditubuhkan bukan melalui doktrin ketenteraan, tetapi melalui penguasaan simbolik terhadap alam dan air menjadi wahana utama untuk menzahirkan keabsahan kuasa, hubungan sakral dan keupayaan mentakrifkan sempadan pemerintahan.

### **Air dan Struktur Kerajaan: Kawalan Wilayah melalui Infrastruktur Sungai**

Dalam kerangka politik kerajaan-kerajaan Melayu tradisional, penguasaan terhadap alam khususnya merujuk kepada air bukan sahaja mencerminkan keupayaan teknokratik atau pentadbiran, tetapi juga menandakan struktur kuasa yang mengikat antara raja, rakyat dan ruang pemerintahan. Dalam konteks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tindakan Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I yang memerintahkan pembinaan sistem sungai dari Sungai Jerluh ke Alor Janggus, seterusnya ke Kubang Rotan, Sungai Mati dan Sungai Besar di Kuala Kedah, serta satu lagi dari Gunung Keriang ke Sungai Cegar Anak Bukit, memperlihatkan suatu strategi pemerintahan yang memetakan kuasa melalui struktur air (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Infrastruktur sungai ini tidak sekadar menjadi saluran pengairan sawah atau bekalan air domestik, tetapi mewakili satu bentuk penstrukturkan semula

ruang kekuasaan yang bersifat terancang dan simbolik. Dalam kerangka Milner (1982), kerajaan Melayu tidak beroperasi seperti negara bangsa moden yang berasaskan sempadan politik tetap, tetapi membina legitimasi melalui “kawasan pengaruh” yang berkembang dan menyusut berdasarkan kekuasaan simbolik serta hubungan patron-klien. Maka, projek sungai ini menandakan usaha perluasan pengaruh geografi melalui pembentukan ruang yang dapat dikawal dan dimanfaatkan secara langsung oleh pemerintahan diraja.

Sungai-sungai ini, apabila disambung dari satu kawasan ke kawasan lain, secara tidak langsung mencipta *semipermanen hydraulic domain* yang menghubungkan pusat kekuasaan di istana kepada desa-desa tani dan masyarakat luar bandar. Dengan itu, air menjadi instrumen untuk menghubungkan pusat (raja) dengan pinggir (rakyat) dalam satu sistem kekuasaan yang bersifat lateral dan berlapis. Hubungan ini bersifat dwiarah: raja menyediakan infrastruktur air sebagai tanda kebajikan dan tanggungjawab, manakala rakyat menyumbang tenaga dan kesetiaan sebagai balasan terhadap kesejahteraan. Maka air bukan sahaja mengalir secara fizikal, tetapi juga mengalir sebagai aliran makna kuasa dan hubungan sosial. Penggunaan sumber semula jadi seperti air untuk membina wilayah ini menggemakan pendekatan Linton (2010), yang menegaskan bahawa infrastruktur air tidak hanya berperanan menyediakan fungsi teknikal, tetapi juga membentuk serta mencerminkan struktur sosial-politik yang melingkunginya. Dalam konteks Kedah, pembinaan sungai tersebut bukan sekadar memperluas sawah untuk pengeluaran padi, tetapi turut menstrukturkan masyarakat tani sebagai entiti yang bergantung sepenuhnya kepada kelangsungan sistem pengairan (Ahmat 1970). Oleh itu, kerajaan menjadi pusat tumpuan mutlak dalam pengagihan sumber, sekali gus memantapkan hegemoni politiknya.

Namun, penting untuk dilihat bahawa sistem sungai ini tidak terbentuk atas konsep eksploitasi semata-mata. Sebaliknya, sistem sungai ini adalah merupakan gabungan *local genius* dan pemerintahan berasaskan keperluan persekitaran. Pemerintah bertindak bukan semata-mata sebagai penguasa, tetapi sebagai perancang ekopolitik yang memahami kontur tanah, arah aliran air dan keperluan setempat. Keputusan untuk menyambungkan sistem sungai antara pelbagai kampung, dari Gunung Keriang ke Sungai Anak Bukit misalnya, mencerminkan pengetahuan mendalam tentang persekitaran dan bentuk muka bumi, serta kemahuan politik untuk menyatukan wilayah melalui aliran air. Dalam hal ini, air menjadi *agent of territorialisation*, iaitu satu konsep yang lazim digunakan dalam antropologi politik untuk merujuk kepada proses pembentukan dan penguasaan ruang melalui medium bukan ketenteraan (Rasmussen & Lund 2018).

Lebih menarik, pembangunan sistem sungai ini bersifat integratif dan multi-destinasi: bukan sahaja untuk kegunaan pertanian, tetapi juga untuk kegunaan domestik rakyat dan pemusatan aktiviti ekonomi. Air sebagai komoditi tidak dibiarkan berfungsi secara semula jadi, tetapi diarahkan dan dikawal untuk menjana keuntungan dan kemakmuran yang akan kembali kepada pusat pemerintahan. Maka sungai menjadi instrumen pengukuhan ekonomi-politik yang bukan sahaja memperkasa sektor pertanian, tetapi juga meletakkan kuasa raja sebagai pusat pengagihan rezeki dan ketentuan nasib rakyat. Hal ini memperkukuh hujah Milner (1982) yang menyatakan bahawa legitimasi kuasa Melayu terbentuk melalui kemampuan pemerintah memperlihatkan keberkesanan kepada rakyat, yang dalam konteks ini dizahirkan melalui keupayaan mengalirkan air.

Secara keseluruhannya, pembinaan sistem sungai oleh pemerintah Kesultanan Kedah seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak harus dilihat sebagai respons kepada tuntutan pertanian semata-mata, tetapi sebagai projek *territorial statecraft* dalam acuan tempatan (Ayres, Flinders & Sandford 2018). Tindakan tersebut menunjukkan bahawa pemerintahan Kesultanan Kedah telah mencapai tahap pemikiran politik yang strategik dalam mengurus sumber dan menstrukturkan ruang. Tindakan ini juga mewakili naratif yang sering dipinggirkan dalam kajian sejarah Melayu, yang terlalu tertumpu kepada persoalan keturunan, kekuasaan dan peperangan. Dengan itu, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* sewajarnya dibaca sebagai teks yang bukan sahaja mencatat asal usul politik, tetapi juga memuatkan arkitek kuasa berasaskan air yang menggambarkan sebuah kerajaan yang menata wilayahnya melalui kawalan terhadap sungai, limpahan serta aliran air yang diterima sebagai tanda kehadiran dan keabsahan daulat.

### **Hidraulik dan Sosialisasi Kuasa: Kerahan Tenaga dan Rakyat sebagai Subjek Ritual Infrastruktur**

Di sebalik pencapaian infrastruktur sungai buatan yang disebut dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tersirat suatu wacana kekuasaan yang lebih mendalam iaitu proses sosialisasi rakyat ke dalam struktur pemerintahan melalui kerja-kerja hidraulik. Kerja-kerja pembinaan sungai, khususnya yang dimulakan oleh Maharaja Kerma, menggunakan sistem kerahan tenaga rakyat dan peralatan tradisional seperti cangkul (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Peristiwa ini tidak boleh hanya ditafsir sebagai mobilisasi tenaga buruh secara praktikal, tetapi perlu dibaca sebagai satu bentuk ritual politik iaitu suatu upacara pentadbiran yang menggabungkan pemaksaan, pendidikan teknikal dan pembentukan kesetiaan politik dalam satu gerak kerja kolektif.

Melalui kerja-kerja kerahan ini, penduduk Kedah tidak hanya menjadi pengguna kepada air yang dialirkan, tetapi turut menjadi penghasil kepada struktur air itu sendiri. Maka perkara ini menjadikan mereka secara langsung terlibat dalam proses pengukuhan kuasa pemerintah. Hal ini menyerlahkan satu bentuk sosialisasi ideologi melalui buruh, apabila tubuh rakyat dijadikan medan untuk melatih, mendisiplinkan dan membentuk subjek yang patuh terhadap wacana pembangunan yang digerakkan oleh istana. Dalam erti kata lain, sungai itu bukan sahaja hasil arahan raja, tetapi juga hasil dari kerja kolektif yang mengikat raja dan rakyat dalam kontrak sosial yang tidak tersurat tetapi dimaklumkan secara simbolik.

Kerja-kerja paksa dalam projek seperti ini tidak boleh difahami dengan bingkai eksploitatif semata-mata. Sebaliknya, situasi ini perlu dibaca bersama konsep "liminaliti" oleh Turner, Brahmans & Harris (2017) iaitu peralihan status sosial melalui proses simbolik dan ritual kolektif. Dalam proses pembinaan sungai, rakyat bukan sahaja menjalankan fungsi ekonomi tetapi juga menjalani proses transformasi sosial daripada individu biasa kepada anggota masyarakat yang berkongsi pengetahuan teknikal, keletihan fizikal dan pengalaman kolektif yang membentuk satu memori bersama tentang peranan mereka dalam pembangunan negeri. Perkara ini merupakan bentuk *rite of intensification* yang mengukuhkan ikatan sosial dan menanamkan semangat kolektif terhadap projek kerajaan (Geertz 1980). Maka, pembinaan sungai menjadi satu bentuk ritual negara yang bukan dalam bentuk perayaan atau istiadat rasmi, tetapi melalui peluh, tanah dan air yang digali oleh rakyat.

Selari dengan pemikiran Linton (2010) kita dapat memahami bahawa pembinaan sungai Kedah adalah merupakan contoh klasik kuasa politik menstrukturkan tubuh rakyat sebagai sebahagian daripada sistem penghasilan air. Para pekerja dan penduduk bukan sekadar menggali saluran air, tetapi turut membina sistem tadahan yang berfungsi dan diwarisi keberkesannya dari satu generasi ke generasi berikutnya. Pengetahuan lokal yang diperoleh tentang kontur tanah, arah aliran air, teknik menggali dan mengawal limpahan menjadi *cultural capital* yang dipindahkan secara tidak formal dalam kalangan masyarakat, dan akhirnya membentuk satu identiti tempatan berdasarkan kepada hubungan dengan air.

Lebih mendalam, struktur kerja paksa ini turut menandakan wujudnya ideologi teknologi dalam kerajaan Melayu tradisional, yang memperlihatkan pemerintahan bukan hanya sebagai pengurus manusia, tetapi sebagai penyelaras tenaga buruh, sumber semula jadi dan logistik tempatan. Dalam erti kata lain, raja bukan sahaja dilihat sebagai lambang kerohanian atau kesultanan, tetapi sebagai jurutera sosial dan ekologi, yang mengurus tubuh rakyat untuk mengolah bentuk bumi. Konsep "daulat" dalam wacana Melayu yang sering dibaca dari aspek spiritual juga harus dikaji sebagai kuasa teknokratik yang tersembunyi di sebalik kemampuan raja menyusun kerja, mengerahkan massa, dan mengarahkan perubahan landskap bagi kelangsungan negeri (Nordin 2015).

Maka, proses kerahan tenaga dalam pembinaan Sungai Kedah mencerminkan sesuatu yang lebih daripada sekadar pemaksaan kuasa, proses ini berfungsi sebagai mekanisme halus untuk mengakar budaya kerja dan pengetahuan teknikal ke dalam struktur pemerintahan. Rakyat dilatih untuk memahami bahawa pembangunan tidak berlaku tanpa titah dan titah tidak terlaksana tanpa keringat mereka. Dalam hubungan ini, kuasa diraja dilihat bukan sebagai kuasa dari atas, tetapi sebagai kuasa yang meresap ke dalam pengalaman harian rakyat melalui kerja air. Simbolisme air yang

mengalir akhirnya menjadi analogi kepada kuasa politik, kerana air bukan sahaja menghubungkan, menghidupkan, tetapi juga mengatur aliran hidup manusia dan tanah air.

Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa projek-projek sungai dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* tidak sekadar mewakili keupayaan kerajaan dalam mencipta infrastruktur, tetapi turut membentuk epistemologi rakyat terhadap pembangunan dan kekuasaan. Projek-projek sungai tersebut membentuk memori kolektif tentang makna menjadi rakyat, iaitu menjadi sebahagian daripada tubuh negeri yang hidup dan bergerak bersama sungai yang digali, tanah yang diteroka, serta sejarah yang diwarisi bukan hanya melalui cerita, tetapi melalui kerja.

### **Air sebagai Memori dan Warisan: Pengetahuan Tempatan dan Kebergantungan Alam**

Pembentukan tamadun awal manusia telah menunjukkan bahawa air bukan sekadar sumber kehidupan, tetapi menjadi tulang belakang kepada pembentukan struktur budaya, ekonomi dan imaginasi kosmologi masyarakat (Andaya 2016: 2018). Dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, meskipun teks ini tidak memberikan perincian mendalam tentang pengurusan bekalan air dalam kalangan penduduk, naratifnya tetap memperlihatkan dengan jelas serpihan memori kolektif yang mengesahkan bahawa air merupakan pusat kepada struktur kehidupan serta berfungsi sebagai tapak warisan dan epistemologi tempatan (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Dalam tradisi masyarakat Melayu, sungai bukan sahaja menjadi saluran air, tetapi juga jalan raya, ruang ritual, tempat berjual beli dan sempadan sosial (Nasir 2005: Abdullah 2025). Hubungan dengan sungai membentuk *habitual landscape* yang merupakan ruang yang tidak dipisahkan daripada tindakan harian dan pemaknaan simbolik (Marsh 2023). Di sinilah air menjadi sebahagian daripada memori budaya yang tidak didokumentasikan secara rasmi, tetapi diwariskan secara tidak langsung melalui amalan, adat dan hubungan spiritual dengan alam. Penduduk Kedah tidak sekadar menggunakan air; mereka hidup bersama-sama air yang merupakan satu hubungan ekologi yang dibentuk oleh pengalaman fizikal dan mental terhadap perubahan aliran, kejernihan dan kehadiran air dalam rutin hidup mereka.

Menurut Linton (2010), air tidak wujud secara terpisah daripada masyarakat; kerana air merupakan hasil proses sosiobudaya yang membentuk cara air difahami, digunakan dan dimaknai. Konsep ini jelas dalam naratif salasilah apabila disebut bahawa air di Kedah pada zaman Sultan Muzzil Shah bersih dan tidak tercemar kerana aktiviti pertanian yang masih terhad dan tidak mengganggu ekosistem air (Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968). Pemahaman ini menunjukkan kesedaran ekologi yang tidak dinyatakan secara teoritikal, tetapi dizahirkan melalui praktik penggunaan air yang bersepadu dengan alam. Ketiadaan teknologi rawatan air moden tidak menjadi kekurangan, sebaliknya memperlihatkan satu hubungan timbal balik yang harmoni antara manusia dan air, antara kebersihan dan kesucian, antara keperluan dan keseimbangan.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Kedah bukan sahaja membentuk satu sistem *hydro-knowledge*, tetapi turut menjadikan air sebagai instrumen pembinaan nilai dan warisan. Situasi inilah yang disebut oleh Sillitoe (2000) dan Smith (2021) sebagai *indigenous knowledge system* iaitu satu bentuk pengetahuan yang tidak dikodifikasi secara saintifik tetapi teruji melalui masa, pengalaman dan transmisi budaya. Dalam konteks ini, teks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* berfungsi sebagai arkib simbolik, bukan semata-mata sebagai naskhah istana-sentrik atau Melayu-sentrik, tetapi juga sebagai wadah untuk mengekalkan naratif tentang bagaimana masyarakat dan pemerintah memahami air sebagai warisan yang tidak ternilai. Bahkan, dalam menyebut bahawa sungai dibina untuk kegunaan semua pihak, termasuk kehidupan di sekelilingnya, teks ini menyampaikan satu mesej tersembunyi bahawa air ialah hak kolektif yang harus dipelihara. Fahaman ini mencerminkan pandangan ekologi sosial yang lebih progresif berbanding kebanyakan dasar air moden yang berorientasikan keuntungan dan berpaksikan privatisasi.

Tambahan pula, penekanan bahawa air digunakan secara meluas dan masih belum tercemar dalam fasa awal sejarah Kedah, menggambarkan satu kesedaran bahawa kualiti air mencerminkan kualiti pemerintahan. Keupayaan rakyat menggunakan air secara bebas dan selamat menjadi simbol kesejahteraan politik dan ketenteraman sosial. Oleh itu, air bukan sahaja menjadi warisan fizikal, tetapi juga warisan moral dan politik yang mengaitkan keberkesanan pentadbiran dengan keberkatan alam.

Rakyat yang hidup dalam ruang tersebut membentuk satu bentuk *experiential hydro-literacy* yang merupakan satu kecekapan tidak formal yang membolehkan mereka membaca perubahan arus sungai, mengenal sumber air bersih, dan mengatur semula kehidupan harian mereka berdasarkan kehadiran atau ketiadaan air. Pengetahuan ini dipindahkan melalui amalan harian, bukan buku teks dan kerana itu, tidak wujud secara eksplisit dalam teks-teks sastera dan sejarah Melayu. Namun, dengan membaca antara baris-baris, dapat difahami bahawa air adalah merupakan penggerak yang tidak kelihatan tetapi sentiasa hadir dalam hampir setiap aspek kehidupan dan pemerintahan Kedah.

Justeru, dalam konteks makalah ini, adalah penting untuk mengangkat kembali naratif air sebagai sebahagian daripada usaha dekolonisasi epistemologi sejarah, yakni menempatkan semula sumber alam sebagai pelaku aktif dalam pembentukan masyarakat, bukan hanya sebagai latar. Dengan itu, air tidak hanya mengalir dalam sungai, tetapi juga mengalir dalam memori, adat dan warisan sebuah negeri yang belajar mengurus kelangsungan hidupnya melalui kebijaksanaan lokal, kebergantungan alam dan kesedaran kosmologi yang bersumber daripada aliran air itu sendiri.

### **Air dan Penanaman Padi: Ekonomi Air dan Perdagangan Sebagai Ekspresi Kuasa Negeri**

Kegiatan penanaman padi di negeri Kedah bukan sahaja menandakan asas ekonomi tempatan, tetapi juga mencerminkan keupayaan politik dan teknokratik kesultanan dalam membina kuasa berdasarkan pengurusan air. Dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, arahan dalam pembinaan sungai buatan yang telah dibincangkan sebelum ini merupakan bukti bahawa air bukan sekadar sumber tani, tetapi instrumen strategik bagi membina hegemoni negeri dan menstrukturkan wilayah ekonomi. Penanaman padi memerlukan bekalan air yang konsisten, terancang dan mampu diagih mengikut musim (Hill 2012). Maka, keputusan politik untuk membina rangkaian sungai secara berperingkat, termasuk pembinaan sungai dari Gunung Keriang ke Sungai Cegar Anak Bukit, memperlihatkan suatu bentuk perancangan ekonomi politik berasaskan sumber air. Perkara ini merupakan bentuk awal *hydraulic statecraft* yang memperlihatkan pemerintah mengatur aliran air bukan semata-mata untuk kegunaan domestik, tetapi sebagai modal pengeluaran yang menghubungkan sektor pertanian dengan perdagangan antarabangsa khususnya ke Pulau Pinang dan Selangor (Goldman 1975: Iqbal, Hussin & Ali Seman 2015: Ayres, Flinders & Sandford 2018).

Melalui inisiatif ini, kita melihat *bahawa* air dimobilisasi untuk menjana pengeluaran berlebihan (*surplus production*) yang merupakan suatu konsep penting dalam teori ekonomi politik yang seterusnya menjadi asas kepada hubungan ekonomi Kedah dengan negeri-negeri jiran (Swyngedouw 2012). Perdagangan beras yang dinyatakan dalam teks ini bukan sekadar mencerminkan kemampuan pertanian, tetapi memperlihatkan kematangan institusi negeri dalam mentransformasikan sumber alam kepada kuasa politik dan diplomatik. Dalam kerangka ini, air menjadi modal geostrategik yang melampaui fungsi pengairan; air juga menjadi tulang belakang kepada kebergantungan dan ketergantungan wilayah luar terhadap hasil negeri Kedah (Goldman 1975: Hill, 2012: Iqbal, Hussin & Ali Seman 2015).

Konsep ini sejajar dengan teori Linton (2010), yang menegaskan bahawa air bukan sekadar unsur semula jadi yang neutral, tetapi suatu entiti sosial yang sentiasa dibentuk, dikawal dan dimaknai dalam struktur politik serta budaya tertentu. Dalam konteks Kedah, air yang dialirkan melalui terusan bukan hanya mengairi tanah, tetapi menstrukturkan hubungan kuasa antara pemerintah, petani dan pasaran luar. Petani memerlukan air untuk menghasilkan beras, tetapi air tidak dapat mengalir tanpa struktur fizikal yang dibina oleh titah raja. Dalam hubungan ini, raja menjadi pengatur kepada aliran rezeki dan dalam pengertian tradisional, ini adalah manifestasi daulat dalam bentuk material.

Teks ini juga menunjukkan bahawa pembinaan sungai buatan bukan hasil import teknologi asing, tetapi lahir daripada *local genius* yang merupakan suatu bentuk pengetahuan teknikal yang muncul daripada pemerhatian dan kefahaman terhadap kontur bumi, arah aliran air, dan keperluan pertanian setempat. Perkara ini juga menunjukkan kemampuan kerajaan Kedah membangunkan infrastruktur air berasaskan persekitaran, berbanding pendekatan kolonial kemudian yang memaksakan sistem pengairan berdasarkan skala ekonomi dan keuntungan pelabur. Hal ini

membentuk naratif tandingan yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu awal bukanlah kelompok yang pasif terhadap alam, sebaliknya memiliki keupayaan tinggi untuk mentadbir ekologi secara lestari dan selaras dengan keperluan sosial (Mamat 2015).

Dalam kerangka Milner (1982), sistem ini harus difahami sebagai perluasan kuasa simbolik melalui pemetaan ruang yang memperlihatkan bahawa setiap saluran air yang dibina menandakan perluasan kawasan kekuasaan raja, manakala setiap kawasan sawah yang diairi menjadi wilayah dominasi politik dan ekonomi. Maka, sungai dan terusan bukan sahaja menyatukan tanah, tetapi menyatukan struktur kuasa, kebergantungan ekonomi dan sempadan imaginasi negeri. Pembinaan sungai buatan tersebut membuktikan keupayaan sultan mengurus bukan sahaja rakyat, tetapi juga alam dan pengeluaran makanan, sekali gus menegaskan peranannya sebagai raja-pengurus, bukan sekadar raja-warisan.

Satu aspek yang penting untuk diperhatikan adalah bahawa struktur air ini membentuk jaringan sosial dan ruang antara komuniti, menjadikan sungai dan terusan sebagai ruang interaksi, kerjasama dan pertukaran maklumat (Abdullah & Mohd Noor 2019). Dalam erti kata lain, sistem pengairan ini turut mewujudkan ruang budaya, satu bentuk *hydraulic community* yang bersifat kolektif, di mana air menjadi penghubung antara kerja, hidup dan kuasa (Brown & Breyfogle 2023). Hal ini sekali gus membina asas kepada kebudayaan pertanian yang kaya dengan adat, perayaan dan naratif rakyat yang berkait rapat dengan musim air dan hasil padi.

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa naratif air dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* bukan sahaja mencerminkan sejarah ekonomi tempatan, tetapi juga sejarah kuasa negeri yang dibina atas asas pengurusan air secara teknikal, simbolik, dan diplomatik. Pada masa kini, sumber air semakin dipolitikkan dengan ketara, seperti yang dapat dilihat dalam pelbagai konflik dan perdebatan antara negeri dan negara, misalnya pertikaian antara Pulau Pinang dan Kedah berhubung hak pengambilan air mentah dari Sungai Muda, serta hubungan kompleks antara Malaysia dan Singapura yang sering dipengaruhi oleh perjanjian air rentas sempadan (Abdullah et al. 2024; Abdullah et al. 2024; Abdullah 2024). Dapatan perbincangan ini memberikan pengajaran penting bahawa pengurusan air bukan sekadar isu kejuruteraan, tetapi juga menuntut kebijaksanaan politik, kepekaan budaya dan keadilan sosial. Oleh itu, membaca semula *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* melalui lensa hidro-politik merupakan satu usaha dekolonial yang berperanan mengangkat semula struktur kuasa dan kecerdasan tempatan yang telah lama terpinggir dalam naratif rasmi sejarah negara.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah mengetengahkan pembacaan semula terhadap *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* melalui lensa hidro-simbolik, dengan memberi penekanan kepada peranan air sebagai struktur makna yang merentas aspek kosmologi, kuasa politik, kejuruteraan sosial dan memori warisan. Berbeza dengan bacaan historiografi konvensional yang menekankan naratif keturunan, peperangan atau diplomasi sebagai inti teks, makalah ini mendedahkan bahawa air dalam bentuk sungai buatan, sungai semula jadi, terusan dan amalan domestik berperanan sebagai medium perantara yang menyatukan raja dan rakyat, spiritual dan duniawi, serta wilayah dan kekuasaan.

Melalui pembinaan kerangka teori hidro-simbolik, makalah ini telah menghuraikan lima dimensi utama peranan air dalam teks tersebut: pertama sebagai manifestasi kosmologi kuasa; kedua, sebagai alat pemetaan wilayah; ketiga sebagai wahana sosialisasi tenaga rakyat; keempat, sebagai tapak ingatan budaya dan warisan, dan terakhir sebagai penggerak ekonomi dan strategi perdagangan negeri. Kelima-lima dimensi ini membuktikan bahawa air bukan sekadar elemen persekitaran yang pasif, tetapi entiti aktif yang meresap ke dalam wacana pemerintahan dan membentuk imaginasi politik kolektif masyarakat Melayu tradisional.

Maka, kajian ini menyeru agar kita membaca kembali teks-teks warisan Melayu bukan hanya sebagai khazanah sejarah, tetapi sebagai medan epistemologi alternatif yang menawarkan kebijaksanaan tentang hubungan antara sumber alam, kuasa dan kelangsungan hidup. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dalam hal ini, bukan hanya dokumen keturunan; ia adalah naratif air yang mengandungi

pelajaran tentang kecekapan ekologi, keadilan sosial dan pemerintahan yang berakar kepada persekitaran. Dalam era krisis air global dan ketegangan geopolitik sumber semula jadi, pembacaan semula terhadap teks seperti ini dapat memberikan asas bagi membina paradigma baharu tentang pengurusan air yang bukan sahaja lestari, tetapi juga berakar dalam nilai dan kebijaksanaan tempatan.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. F. 2024. Sustainable Development Goals (SDGs) Through the Water Treaty Between Kedah and Perlis (1971-1999): Implications for Water Resource Management and Equitable Resource Sharing in Malaysia and Globally. *Thammasat Review* 27(2): 197-224.
- Abdullah, M. F. 2025. The Forgotten Waters: A Critique of Malaysian Historiograph. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 9(1): 111-128.
- Abdullah, M. F. & Mohd Noor, A. 2019. Pelaksanaan Rancangan Bekalan Air Luar Bandar di Negeri Kedah, 1909-1957. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1): 55-67.
- Abdullah, M. F. & Mohd Noor, A. 2020. Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* 38(1): 89-113.
- Abdullah, M. F., Mohd Noor, A., Tan. C. S., & Wan Ibrahim, W. K. 2024. The Water War between Kedah-Penang in Malaysia: The Relation in the Management of Sungai Muda Raw Water, 1965-1985. *Geopolitics Quarterly* 20(2): 151-170.
- Abdullah, M. F., Padzil, R., Mohd Noor, A. & Nordin, M. 2024. The Impact of Inter-Basin Water Transfer between Johor and Singapore on Johor's Water Supply System, 1927 to 1941. *MANUSYA: Journal of Humanities* 27(1): 1-22.
- Adil, B. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmat, S. 1970. The structure of the economy of Kedah, 1879-1905. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43(2) (218): 1-24.
- Andaya, B. W. 1976. The role of the Anak Raja in Malay history: a case study from eighteenth-century Kedah. *Journal of Southeast Asian Studies* 7(2): 162-186.
- Andaya, B. W. 2016. Rivers, oceans, and spirits: Water cosmologies, gender, and religious change in Southeast Asia. *TRaNS: Trans-Regional and-National Studies of Southeast Asia* 4(2): 239-263.
- Andaya, L. Y. 2018. Water in the Study of Southeast Asia. *KEMANUSLAAN: The Asian Journal of Humanities* 25(1): 21-38.
- Ayres, S., Flinders, M., & Sandford, M. 2018. Territory, power and statecraft: understanding English devolution. *Regional Studies* 52(6): 853-864.
- Braginsky, V. I. 2022. *The heritage of traditional Malay literature: A historical survey of genres, writings and literary views* (Vol. 214). Brill.
- Braginsky, V. I. 2024. *The system of classical Malay literature*. Brill.
- Brown, P. C., & Breyfogle, N. B. 2023. *Hydraulic societies: water, power, and control in east and central Asian history*. Oregon State University Press.
- Cheah Boon Kheng. 2024. Feudalisme Melayu: ciri-ciri dan pensejarahannya. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 97(1): 124-152.
- Dato' Kerani Mohd. Arshad, M. H. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fang, L. Y. 2011. *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Indonesia: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Geertz, C. 1980. *Negara: The Theatre State in 19th Century Bali*. Sepanyol: Princeton University Press.
- Goldman, R. H. 1975. Staple food self-sufficiency and the distributive impact of Malaysian rice policy. *Food Research Institute Studies* 14(3): 251-293.
- Hill R. D. 2012. *Rice in Malaya, A Study in Malaysia, A Study in Historical*, Singapore: NUS Press Singapore.
- Hussein, I. 1966. The study of traditional Malay literature. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 39(2) (210): 1-22.
- Ibrahim, M. Y. 2016. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iqbal, U., Hussin, N & Ali Seman, A. 2015. Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra- Kolonial. *Internasional Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2): 95-119
- Linton, J. 2010. *What is water?: The history of a modern abstraction*. UBC press.

- Mamat, M. 2015. Etika alam sekitar dalam novel Jong Chian Lai dari perspektif pribumi. *Jurnal Melayu* 14(2): 171-179.
- Marsh, B. 2023. Living by the Symbolic River: Landscape Effects of Post-Industrial Water Narratives of the Susquehanna River. *Land* 12(2): 264.
- Milner, A. C. 1982. *Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson, AZ.
- Mohd Noor, A. 2006. *Ilmu Sejarah dan Pensejaraban*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 2023. *An Anthology of Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Mukerji, C. 2003. Intelligent uses of engineering and the legitimacy of state power. *Technology and Culture* 44(4): 655-676.
- Nasir, A. H. 2005. *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, M. 2015. *Peperangan di dalam Sulalatus Salatin, Siri Keenam Wacana Sulalatus Salatin*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia
- Pham, C. P., Sankaran, C., & Kaur, G. (Eds.). 2019. *Ecologies in Southeast Asian Literatures: Histories, Myths and Societies*. Vernon Press.
- Rasmussen, M. B., & Lund, C. 2018. Reconfiguring frontier spaces: The territorialization of resource control. *World development* 101: 388-399.
- Salleh, S. H. H. 2010. *Malay literature of the 19th century*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Sillitoe, P. 2000. Let them eat cake: Indigenous knowledge, science and the poorest of the poor'. *Anthropology today* 16(6): 3-7.
- Smith, L. T. 2021. *Decolonizing methodologies: Research and indigenous peoples*. Bloomsbury Publishing.
- Strang, V. 2020. *The meaning of water*. Routledge.
- Sweeney, A. 1983. The "Literary" Study of Malay-Indonesian Literature: Some Observations. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 56(1)(244): 33-46.
- Swyngedouw, E. 2012. Troubled waters: the political economy of essential public services. In *Water and Sanitation Services*(pp. 38-55). Routledge.
- Whitmore, J. K. 2011. Kingship, Time, and Space: Historiography in Southeast Asia. *The Oxford History of Historical Writing: Volume 2: 400-1400* 2: 102.
- Wilkinson, R. J. 1906. *Malay beliefs* (Vol. 1). Luzac & Company.
- Wilkinson, R. J. 1932. Some Malay Studies. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 10(1)(113): 67-137.
- Winstedt, R. O. 1940. A history of Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 17(3)(135): 1-243.
- Winstedt, R. (1958). A history of classical Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 31(3) (183): 3-259.